



TEKS UCAPAN

**YBHG TPR DATO FADLUN BIN MAK UJUD,
NAIB PRESIDEN KANAN PERBADANAN PUTRAJAYA**

**PROGRAM BEBUKA PUASA BERSAMA RAKAN MEDIA
PUTRAJAYA 2022**

**25 APRIL 2022(ISNIN), 6.45 PETANG
GLAMPING PUTRAJAYA**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Salam dan Selawat ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW.

Terima kasih Saudara Pengacara Majlis.

Naib-naib Presiden Perbadanan Putrajaya

Ketua Biro Media

Rakan-rakan media

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian

Assalamualaikum WBT. Alhamdulillah

1. Setinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT dapat kita hadir bersama-sama dalam Program Berbuka Puasa Bersama Rakan Media Putrajaya 2022 di Glamping Taman Wetland pada hari ini.
2. Saya berharap dengan penganjuran program berbuka puasa ini dapat memberi peluang dan kesempatan kepada kita semua untuk mengukuhkan dan mengeratkan lagi hubungan kita yang telah sedia terjalin selama ini.
3. Alhamdulillah walaupun semasa dalam pandemik pada tahun 2020 dan 2021, PPj dan Biro Media Putrajaya dapat melaksanakan program bersama-sama. Pada tahun lepas kita berjaya melaksanakan program sumbangan sahur kepada petugas barisan hadapan bersama-sama dan PPj mengucapkan terima kasih di atas penglibatan seperti ini.
4. Sekiranya diimbaz kembali saya melihat liputan media mengenai Perbadanan Putrajaya amat memberangsangkan.
5. Saya amat bersyukur kerana dapat melihat usaha dari pihak media menyiarkan dan menghebahkan berita secara positif dan tepat mengenai pelbagai isu dan acara yang berlaku di Putrajaya.
6. Insya Allah pada tahun ini, PPj bakal mengadakan semula acara-acara ikonik Putrajaya pada tahun ini antaranya Floria Diraja Putrajaya, Putrajaya Bridge Night Ride, acara antarabangsa International Book For Young People (IBBY) 2022, Light and Motion Putrajaya dan sebagainya.
7. Saya juga percaya bahawa Perbadanan Putrajaya telah mengambil inisiatif yang terbaik untuk merapatkan jurang maklumat dan kefahaman media mengenai Perbadanan Putrajaya dan pembangunan Putrajaya dengan memberi maklumat yang mencukupi dan mengamalkan perancangan yang strategik di dalam pengurusan media.
8. Saya juga ingin menjemput rakan media jika berpeluang untuk menyertai program-program bersama dengan komuniti

Putrajaya pada masa akan datang.

9. Akhir sekali saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas segala sokongan dan sumbangan yang diberikan oleh pihak media kepada PPj dari semenjak penubuhannya sehingga kini.
10. Diharapkan agar sokongan dan kerjasama ini akan diteruskan dan dipertingkatkan pada masa hadapan untuk kebaikan masyarakat dan juga Putrajaya secara keseluruhannya.
11. Selamat Berbuka Puasa, Selamat Maju Jaya, jaga diri anda, *stay safe* dan Selamat Hari Raya Aidilfitri.
12. Wabillahitaufik walhidayah wasalam mualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

25 APRIL 2022